

ELEMEN PEMARKAHAN KOKURIKULUM PELAJAR: ULASAN AWALAN

Halijah Ibrahim¹, Zurina Md Yusof², Muhazian Md Noor³, Asha Hasnimy Mohd Hashim⁴ dan Zainal Abidin Zainuddin⁵

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia

p-halija@utm.my

² Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia

zureen2013@gmail.com

³Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia

muhazianmdnoor@gmail.com

⁴Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia

asha@utm.my

⁵Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia

p-zainal@utm.my

ABSTRAK

Penilaian Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah dihasilkan bagi membolehkan penilaian standard terhadap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum sukan, badan beruniform serta kelab dan persatuan dilaksanakan di semua sekolah di Malaysia. Empat elemen penilaian iaitu kehadiran, jawatan disandang, penglibatan dan pencapaian pelajar. Artikel ini ditulis ini bertujuan untuk mengulas secara umum terhadap empat elemen penilaian yang digariskan di dalam Buku Panduan Penilaian Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah dari aspek peratusan pembahagian skor permarkahan berdasarkan empat elemen pemarkahan, skala dan sela pembahagian markah, aspek bonus serta aspek pemerolehan gred. Dapatan kajian terdahulu menunjukkan penyertaan secara aktif di dalam aktiviti kokurikulum menghasilkan nilai positif kepada pelajar menunjukkan peratusan pemarkahan perlu juga mengutamakan elemen penyertaan pelajar selain dari elemen kehadiran. Didapati skala pemarkahan untuk elemen jawatan disandang, penglibatan, pencapaian pelajar dan elemen bonus telah disusun berdasarkan pemeringkatan ordinal namun sela markah antara pemeringkatan adalah pelbagai dari julat markah antara 1 hingga 3 markah. Penetapan skala pemarkahan dan sela yang standard berupaya menambahbaik aspek penilaian aktiviti kokurikulum pelajar. Penambahan markah dari elemen bonus menunjukkan pengiktirafan sumbangan perkhidmatan murid. Kriteria yang ditetapkan adalah pelbagai namun hanya memberi peluang pemerolehan markah hanya kepada segelintir bilangan pelajar sahaja. Cadangan agar penyemakkan terhadap kriteria yang ditetapkan adalah sangat dialu-alukan bagi memberi peluang ramai pelajar memperoleh markah maksimum. Dari aspek pemerolehan gred akhir pelajar, kaedah pemurataan skor pemarkahan di sepanjang persekolahan pelajar digunakan. Di dapati kaedah ini boleh memberi kesan kepada gred pencapaian aktiviti kokurikulum pelajar terutamanya pelajar 'late boomer' serta pelajar yang hanya cemerlang pada satu jenis aktiviti kokurikulum sahaja samada kokurikulum sukan, bandan beruniform atau kelab dan persatuan. Ulasan ini adalah hasil perbincangan dari kumpulan penulis yang bertujuan menghasilkan penulisan ilmiah dari aspek penilaian aktiviti kokurikulum pelajar. Penyemakan semula kaedah penilaian aktiviti kokurikulum pelajar berupaya menambahbaik kaedah pelaksanaan sedia ada.

Kata kunci: elemen bonus, elemen jawatan, elemen kehadiran, elemen pencapaian, elemen penglibatan, Sistem Pemarkahan Kokurikulum,

1. PENGENALAN

Pelbagai penyelidikan menunjukkan terdapat pelbagai kesan positif yang diperolehi oleh peserta terhadap penyertaan di dalam aktiviti kokurikulum, serta tidak menafikan kesan negatif. Pelbagai kajian menunjukkan bahawa melalui penyertaan di dalam aktiviti kokurikulum, pelajar berupaya meningkatkan gred peperiksaan (Marsh, 1992; Darling, Caldwell, Smith, 2005; Reeves, 2008), pencapaian pendidikan tinggi (Darling, Caldwell dan Smith, 2005; Fredericks dan Eccles, 2006; Marsh dan Kleitman, 2003), lebih kerap

menghadiri sekolah (Mahoney dan Cairns, 1997; Olson, 2008), meningkatkan konsep sendiri (Marsh, 1992) dan peningkatan aspek psikologi positif (Hoyle dan Leff, 1997; Fredericks dan Eccles, 2006; Marsh dan Kleitman, 2003). Selain itu, penglibatan di dalam aktiviti kokurikulum juga berupaya mengurangkan masalah penggunaan bahan terlarang (Cooley, Henriksen, Nelson dan Thompson, 1995), keciciran (Mahoney dan Cairns, 1997), tingkahlaku (Marsh, 1992) dan disiplin sekolah (Landers dan Landers, 1978; Brown, (n.d).

Artikel ini dihasilkan bertujuan untuk mengulas secara umum terhadap kaedah penilaian yang dilaksanakan bagi menilai aktiviti kokurikulum pelajar seperti yang digariskan di dalam Buku Panduan Penilaian Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah. Ulasan ini adalah hasil perbincangan dari ahli kumpulan penulis yang lebih berbentuk akademik dan bukan bertujuan untuk mengkritik kaedah penilaian sedia ada. Aktiviti ulasan hasil penelitian kepada kaedah penilaian aktiviti kokurikulum pelajar bertujuan untuk penambahbaikan dengan harapan pelajar lebih berminat dan aktif tanpa paksaan dari guru untuk melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum. Sekaligus dapat memupuk semangat jati diri, keyakinan diri, keberanian dan sebagainya sepanjang perjalanan kehidupan mereka kelak.

2. PENILAIAN AKTIVITI KOKURIKULUM PELAJAR

Penilaian Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah telah dilaksanakan pada tahun 2007 oleh Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi. Mesyuarat Kabinet yang di adakan pada 4 Mei 2005 telah bersetuju untuk mensyaratkan markah aktiviti kokurikulum pelajar sebanyak 10 peratus bagi kemasukkan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Namun, markah aktiviti kokurikulum yang telah dicapai oleh pelajar hanya dapat dilaksanakan sebagai syarat kemasukkan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pada sesi kemasukkan 2007/2008 (Utusan Malaysia, 5 Mei 2007).

Idea untuk mewujudkan pendekatan yang lebih sistematik terhadap pelaksanaan dan penilaian aktiviti kokurikulum pelajar muncul apabila kerajaan menyedari bahawa pelajar sekolah mendapat pengalaman yang lebih baik dan dapat membangunkan sifat atau nilai-nilai mereka melalui kokurikulum. Banyak kajian antarabangsa menyebut bahawa aktiviti kurikulum telah dikaitkan dengan peningkatan terhadap tahap pendidikan, kecekapan interpersonal, aspirasi, tahap penumpuan, pemikiran kritikal, kematangan peribadi dan sosial, motivasi dan mewujudkan pelbagai faedah yang lebih banyak jika dilakukan di luar persekitaran akademik (Mahoney, Cairns, & Farmer, 2003; Holloway, 2002).

Kini setiap sekolah di Malaysia telah menawarkan pelbagai jenis kegiatan kokurikulum yang merangkumi aktiviti dari kurikulum pasukan badan beruniform, kelab/persatuan dan sukan. Hasil tinjauan oleh Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran (n.d) ke sekolah-sekolah menunjukkan bahawa pihak sekolah ada membuat penilaian terhadap kegiatan kokurikulum yang diceburi oleh murid-murid. Namun terdapat perbezaan aspek penilaian yang dibuat oleh setiap sekolah yang berdasarkan kepada persepsi dan keperluan sesebuah sekolah. Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran menyedarinya akan wujudnya unsur-unsur ketidaksamarataan dalam pemberian markah kepada murid. Oleh itu, penilaian yang standard terhadap aktiviti kokurikulum pelajar perlu dihasilkan bagi memastikan unsur-unsur ketidakadilan dalam pemberian markah boleh dihindari. Oleh itu Buku Panduan Penilaian Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah telah dihasilkan agar semua murid mempunyai peluang pemerolehan markah yang sama hasil kaedah penilaian yang setara.

Berikut adalah objektif penghasilan panduan penilaian aktiviti kokurikulum pelajar iaitu:

1. Menyediakan satu kaedah penilaian aktiviti kokurikulum yang boleh diterima pakai oleh semua sekolah.

2. Membantu Jabatan Pengurusan IPT dalam membuat penilaian kemasukan pelajar-pelajar ke institusi-institusi pengajian tinggi, dan
3. Menggalak dan meningkatkan penglibatan yang menyeluruh di kalangan murid dalam aktiviti kokurikulum.

Buku Panduan Penilaian Aktiviti ini juga menyatakan garis panduan semasa melaksanakan penilaian kokurikulum sekolah serta carta aliran pengurusan penilaian kokurikulum sekolah selain dari aspek penilaian aktiviti kokurikulum. Terdapat tiga aktiviti dalam kokurikulum yang wajib disertai oleh pelajar iaitu aktiviti Pasukan Badan Beruniform, Kelab/ Persatuan dan Sukan/ Permainan. Penilaian pelajar dilaksanakan berdasarkan kepada empat komponen wajib iaitu komponen kehadiran (50%), komponen jawatan disandang (10%), komponen penglibatan (20%) dan komponen pencapaian (20%). Terdapat penambahan markah selain dari empat komponen wajib iaitu elemen bonus (10%) yang menekankan aspek kepimpinan di kalangan pelajar.


3. ULUSAN TERHADAP SISTEM PEMARKAHAN

2.1 Elemen/Aspek Penilaian Kokurikulum

Terdapat empat elemen/aspek pemarkahan yang dinilai iaitu elemen kehadiran, jawatan disandang, penglibatan dan pencapaian serta tambahan elemen bonus. Pemberatan peratusan pemarkahan kepada setiap elemen adalah berbeza-beza di mana kehadiran merangkumi 50% pemarkahan, jawatan disandang merangkumi 10% pemarkahan manakala penglibatan dan pencapaian merangkumi 20% pemarkahan setiap satu. Manakala pemarkahan tambahan elemen bonus sebanyak 10% pemarkahan. Pemberatan peratusan markah elemen Kehadiran ialah markah yang tertinggi (50%) yang bertujuan untuk menggalakkan murid hadir pada setiap aktiviti yang dijalankan.

Penilaian berdasarkan kehadiran pelajar ke lokasi pelaksanaan aktiviti kokurikulum sukar untuk menggambarkan jenis penyertaan pelajar di dalam aktiviti kokurikulum samada penyertaan secara aktif atau penyertaan berbentuk pasif. Hasil kajian terdahulu menunjukkan bahawa penyertaan secara aktif dalam aktiviti kokurikulum menghasilkan faedah yang positif. DiMartino, Clarke, dan Wolk (2003) menegaskan bahawa kajian menunjukkan bahawa pelajar akan terbaik mempelajari sesuatu apabila mereka terlibat dan aktif dalam aktiviti kokurikulum yang dirancang serta mempunyai pilihan antara persekitaran pembelajaran. Rajah 1 menunjukkan pembahagian peratusan pemarkahan serta jenis aktiviti penyertaan yang dijangkakan dari pemecahan elemen pemarkahan yang ditetapkan.

Pemberatan sebanyak 50% kepada aspek kehadiran adalah pemberatan yang besar. Oleh itu, fokus penilaian terhadap penyertaan aktif pelajar dalam aktiviti kokurikulum perlu utamakan. Dijangkakan pelajar yang menyertai secara aktif akan memperoleh nilai positif yang lebih tinggi daripada pelajar yang sekadar duduk menghadirkan diri semata-mata ke aktiviti kokurikulum (penyertaan pasif). Namun, walaupun peratusan pemberatan penilaian yang tinggi diberikan di aspek kehadiran, penilaian masih seolah-olah tidak memberi pengiktirafan kepada pelajar yang menyertai aktiviti secara aktif. Penyertaan aktif atau pasif masih mempunyai nilai yang disetarakan.



Rajah 1: Pembahagian peratusan pemarkahan, jumlah keseluruhan pemarkahan serta jenis aktiviti penyertaan.

Penambahbaikan kepada kaedah penilaian kepada elemen kehadiran boleh dilaksanakan seperti menyediakan diskripsi, rubrik atau kriteria yang mengambilkira jenis penyertaan. Pecahan pemarkahan juga boleh dilaksanakan dengan mengurangkan jumlah peratusan pemarkahan di elemen kehadiran dan menambahkan peratusan di elemen jawatan dipegang, penglibatan atau pencapaian pelajar. Walaubagaimana pun, keputusan terhadap apa juga kaedah penambahbaikan perlu mengambilkira keupayaan guru penasihat melaksanakan aktiviti penilaian kepada pelajar. Penghasilan sistem penilaian yang mantap yang berupaya membantu memudahkan guru melaksanakan aktiviti penilaian adalah sangat-sangat diperlukan.

2.2 Elemen Bonus

Penambahan elemen Bonus di dalam aspek pemarkahan menunjukkan pengiktirafan Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran terhadap aspek kepimpinan pelajar di dalam membantu aspek pengurusan dan pentadbiran sekolah. Markah Bonus juga diberi kepada pelajar terhadap pencapaian cemerlang dalam bidang kokurikulum dan kemasyarakatan yang diusahakan sendiri.

Elemen Bonus menunjukkan keperihatinan terhadap penglibatan pelajar di luar dari tiga kategori kokurikulum badan beruniform, kelab dan persatuan atau sukan dan permainan. Kewujudan elemen ini menunjukkan sumbangan unik individu adalah perlu, namun rasional penambahan elemen ini perlu dinilai keberkesanannya. Ini adalah kerana elemen Bonus menyebabkan hanya segelintir pelajar sahaja berpeluang memperolehi markah maksimum sehingga 110% manakala terlalu ramai pelajar berpeluang memperolehi markah yang hanya terhad maksimum sebanyak 100% sahaja.

2.2 Kaedah Pengreadan

Penilaian kegiatan kokurikulum sekolah menggunakan sistem pengredan relatif (*relative grading system*). Gred penilaian setiap markah yang diperolehi adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Gred Penilaian Markah Kokurikulum Sekolah






GRED	MARKAH
A	Antara 80 hingga 100
B	Antara 60 hingga 79
C	Antara 40 hingga 59
D	Antara 20 hingga 39
E	19 ke bawah

Bagi peringkat ulasan awalan ini, tidak banyak isu yang ingin disentuh berdasarkan kaedah pengredan. Hanya cadangan dari kumpulan penulis agar pihak tertentu menganalisis data berkaitan dengan gred pelajar. Analisis boleh dilaksanakan bagi melihat arah pencongan taburan data gred aktiviti kokurikulum pelajar di Malaysia. Adalah diharapkan agar taburan gred pelajar adalah pencong kearah positif. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa pelajar Malaysia telah menyertai aktiviti kokurikulum secara penyertaan aktif. Namun jika sebaliknya, iaitu taburan gred adalah pencong ke arah negatif, yang menunjukkan pelajar Malaysia hanya sekadar menghadiri aktiviti kokurikulum dengan penyertaan secara pasif. Sekiranya ini yang berlaku, keberkesanan penguasaan nilai-nilai murni hasil dari penglibatan aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan di sekolah boleh dipertikaikan.

2.3 Skala dan Sela Permarkahan (*Equal-Interval Grading Scale*)

Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran telah menyenaraikan pelbagai kriteria bagi setiap markah yang diberikan. Namun begitu, berlaku kepelbagaian skala dan sela pembahagian permarkahan bagi aspek Jawatan di sandang, penglibatan, pencapaian dan bonus (Lihat Jadual 2, 3, 4, dan Jadual 5). Contohnya skala dan perbezaan sela permarkahan bagi jawatan yang disandang, penglibatan, tahap pencapaian serta bonus di sertakan di jadual yang disediakan.

Jadual 2: Skala dan Sela Markah bagi Pasukan Badan Beruniform

JAWATAN	MARKAH	BEZA SELA
Pengakap Raja/ Pandu Puteri Raja / Pegawai Waran 1/ Sub-Inspektor/Drum Major/ Pangkat-Pangkat lain yang difikirkan sama taraf.	10	 $(10 - 8) = 2$
Pegawai Waran II /Bintara Kanan/ Staf Sarjan / Sarjan Mejar / Ketua Trup / Anugerah Ketua Pesuruhjaya / Pangkat-Pangkat lain yang difikirkan sama taraf.	8	
Sarjan/Penolong Trup / Bintara Muda / Ketua Platun /Pangkat-Pangkat yang difikirkan sama taraf.	7	 $(8 - 7) = 1$
Koperal / Lans Koperal / Ketua Patrol / Penolong Ketua Patrol / AJK / Laskar Kanan/Jawatan-Jawatan / Pangkat- Pangkat yang difikirkan sama taraf.	5	 $(7 - 5) = 2$  $(5 - 3) = 2$
Pra-Persetiaan / Ahli Aktif	3	
Ahli Biasa	1	 $(5 - 3) = 2$

Jadual 3: Skala dan Sela Markah bagi Persatuan /Kelab / Sukan / Permainan

JAWATAN	MARKAH	BEZA SELA
Pengerusi / Presiden / Kapten Pasukan / Ketua Pasukan Sukan/Permainan / Ketua Rumah	10	(10 - 8) = 2
Timbalan Pengerusi / Naib Pengerusi	8	(8 - 7) = 1
Setiausaha / Bendahari	7	(7 - 6) = 1
Penolong Setiausaha / Penolong Bendahari	6	(6 - 5) = 1
Ahli Jawatankuasa	5	(5 - 3) = 2
Ahli Aktif	3	(3 - 1) = 2
Ahli Biasa	1	

Jadual 4: Skala dan Sela Markah bagi Elemen Penglibatan

PERINGKAT PENGLIBATAN	MARKAH	BEZA SELA
Sekolah	8	(11 - 8) = 3
Zon/Daerah/Bahagian	11	(14 - 11) = 3
Negeri	14	(17 - 14) = 3
Kebangsaan	17	(20 - 17) = 3
Antarabangsa	20	

Jadual 5: Skala dan Sela Markah bagi Elemen Pencapaian

PERINGKAT PERTANDINGAN	JOHAN	NAIB JOHAN	KETIGA	CATATAN
Sekolah	8	7	6	Pemarkahan berdasarkan pemeringkatan pemarkahan
Zon/Daerah/Bahagian	11	10	9	
Negeri	14	13	12	
Kebangsaan	17	16	15	
Antarabangsa	20	19	18	

Jadual 6: Skala dan Sela Markah bagi Elemen Bonus

BIL	JAWATAN	MARKAH BONUS	BEZA SELA
1.	Ketua Murid I/Ketua Murid II	10	(10 - 8) = 2
2.	Timbalan/Penolong Ketua Murid	8	
3.	Ketua / Pengerusi badan-badan perkhidmatan atau pengurusan utama yang ditubuhkan untuk membantu sekolah – Ketua Asrama / Ketua PRS / Quartermasters	7	(8 - 7) = 1
4.	Penolong Ketua Asrama / Penolong Quartermasters	6	(7 - 6) = 1
5.	AJK Utama badan-badan perkhidmatan atau pengurusan (Bendahari / Setiausaha / Ketua Biro) - Asrama / PRS / Penerima sijil dan lencana SLAD /PROSTAR / Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Sekolah	5	(6 - 5) = 1
6.	Ahli-ahli J/Kuasa perkhidmatan dan sokongan - AJK Kecil Biro / Ketua Bilik / Ketua Dorm / Ketua Darjah / Ketua Tingkatan / Penerima sijil SLAD /PROSTAR	3	(5 - 3) = 2
7.	Penolong Ketua Kelas / Penolong Ketua Bilik / Ahli Quartermasters	2	(2 - 3) = 1

Terdapat pelbagai nilai beza sela permarkahan yang diberikan. Rasional terhadap kepelbagaian beza sela ini masih belum diperolehi. Perbezaan sela yang sama berupaya menambahbaik kaedah penilaian aktiviti kokurikulum pelajar dari sekadar pemarkahan berdasarkan pangkatan mengikut turutan kepada sela sekata yang boleh menggambarkan keupayaan pelajar secara standard.

2.4 Pemarkahan berdasarkan himpunan prestasi sepanjang tempoh persekolahan

Penilaian kokurikulum murid dilakukan pada setiap tahun sepanjang persekolahannya. Keputusan penilaian akan dipersembahkan dalam bentuk prestasi tahun semasa (GPA) dan himpunan prestasi sepanjang tempoh persekolahan (CGPA). Situasi ini memberi kesan akan merugikan pelajar kerana kebanyakan pelajar sukar untuk mendapatkan skor pemarkahan yang tinggi ketika di peringkat sekolah menengah rendah berikutan peluang untuk menjadi pengerusi sesuatu persatuan atau lain-lain ketua adalah tipis. Berdasarkan konsep pemurataan skor markah sepanjang sesi persekolahan 5 tahun (Tingkatan 1 – 5), markah keseluruhan aktiviti kokurikulum pelajar akan terjejas sekiranya pelajar pernah memperoleh skor yang rendah. Markah juga akan terjejas juga sekiranya pelajar tidak dapat mengekalkan prestasi skor pemarkahan di sepanjang sesi persekolahan.

3 KESIMPULAN

Ulasan awalan ini hanyalah hasil perbincangan bersama bagi melihat kriteria yang telah ditetapkan di dalam Buku Panduan Penilaian Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah. Ulasan ini bertujuan untuk menerbitkan idea awalan berkaitan isu pengukuran dan penilaian di dalam aktiviti kokurikulum pelajar, memungkinkan penambahbaikan terhadap kaedah penilaian aktiviti kokurikulum pelajar serta memandu arah terhadap aktiviti penyelidikan di masa hadapan di bidang yang berkaitan.

RUJUKAN

- Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran (2007). *Buku Panduan Penilaian Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah*. Kementerian Pelajaran
- Brown, R. (n.d). *Extracurricular activity: How does participation encourage positive youth development? Cooperative Extension Bringing the university to you*. Fact sheet 99-32 Dicapai pada 15 Julai 2014 <http://www.unce.unr.edu/publications/files/cy/other/fs9932.pdf>
- Carnegie Council on Adolescent Development. (1992). *A matter of time: Risk and opportunity in non-school hours*. Washington, DC: Author.
- Cooley, V., Henriksen, L., Nelson, C., & Thompson, J. (1995). A study to determine the effect of extracurricular participation on student alcohol and drug use in secondary schools. *Journal of Alcohol and Drug Education*, 40, 71-87.
- Darling, N., Caldwell, L., & Smith, R. (2005). Participation in school-based extracurricular activities and adolescent adjustment. *Journal of Leisure Research*, 37(1),51-76.
- DiMartino, J., Clarke, J., & Wolk, D. (Eds.). (2003). *Personalized Learning: Preparing High School Students to Create their Futures*. Lanham, MD; Oxford: Scarecrow Press.
- Dryfoos, J. (1990). *Adolescents at risk: Prevalence and prevention*. NY: Oxford University Press.
- Eccles, J. S., Barber, B. L., Stone, M., & Hunt, J. (2003). Extracurricular activities and adolescent development. *Journal of Social Issues*, 59(4), 865–889.
- Fredricks, I., & Eccles, J. S. (2006). Is extracurricular participation associated with beneficial outcomes? Concurrent and longitudinal relations. *Developmental Psychology*, 42(4),698-713.
- Gerber, S. (1996). Extracurricular activities and academic achievement. *Journal of Research and Development in Education*, 30, 42-50.

- Hawkins, J., & Weis, J. (1985). The social development model: An integrated approach to delinquency prevention. *Journal of Primary Prevention*, 6, 73-97.
- Holland, A., & Andre, T. (1987). Participation in extracurricular activities in secondary school: What is known, what needs to be known? *Review of Educational Research*, 57, 4347-466.
- Holloway, J. H. (2002). Research link: Extracurricular activities and student motivation. *Educational Leadership*, 80-81.
- Landers, D., & Landers, D. (1978). Socialization via interscholastic athletics: Its effects on delinquency. *Sociology of Education*, 51, 299-303.
- Mahoney, J. & Cairns, R. (1997). Do extracurricular activities protect against early school dropout? *Developmental Psychology*, 33, 241-253.
- Mahoney, J. L., Cairns, B. D., & Farmer, T. W. (2003). Promoting interpersonal competence and educational success through extracurricular activity participation. *Journal of Educational Psychology*, 95(2), 409-418.
- Marsh, H. (1992). Extracurricular activities: Beneficial extension of the traditional curriculum or subversion of academic goals? *Journal of Educational Psychology*, 84, 553-562.
- Marsh, H. W., & Kleitman, S. (2003). School athletic participation: Mostly gain with little pain. *Journal of Sport & Exercise Psychology*, 25(2), 205-228.
- Mohd Sofian Omar Fauzee, Aminuddin Yusof, Borhan Yusof. (2002). *Kokurikulum, peranan dan implikasi*. Kuala Lumpur: Sanon Printing
- Olson, C. A. (2008). Can music education help at-risk students? *Teaching Music*, 16(3), n.p.
- Reeves, D. B. (2008). The extracurricular advantage. *Education Leadership*, 86-87.
- Sickmund, M., Snyder, H. & Poe-Yamagata (1997). *Juvenile offenders and victims: 1997 update on violence*. Pittsburgh PA: National Center for Juvenile Justice.
- Utusan Malaysia, (2007). *Kementerian Pelajaran rombak sistem kokurikulum*, 1 Jun 2007
- Werner, E. & Smith, R. (1992). *Overcoming the odds: High-risk children from birth to adulthood*. Ithaca, NY: Cornell University Press.